

Dinar emas: Cadangan PM patut disokong

UM 29 MAR 2000

KUALA LUMPUR 28 Mac — Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Terengganu (DP-MMT) hari ini menyeru semua pihak menyokong cadangan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya dinar emas dijadikan mata wang perdagangan antara-bangsa.

Yang Dipertuanya, Wan Mohd. Al Bakri Wan Md. Noor berkata, sudah tiba masanya mekanisme itu menjadi agenda utama di kalangan negara Islam berdasarkan kesediaan semua negara terutamanya Malaysia untuk melaksanakannya.

“Mekanisme ini penting kerana ia akan mengurangkan risiko spekulasi dan lebih praktikal kerana nilainya tidak perlu dilindungi,” katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Wan Mohd. Al Bakri berkata, krisis ekonomi tahun 1997 memnerlihatkan betapa rapuhnya penggunaan mata wang kertas dalam perdagangan antarabangsa sedunia.

Katanya, keterjejasan ekonomi sebegini telah mengakibatkan kesan rantaian yang sukar untuk dipulihkan dan mengambil masa yang lama untuk kembali ke kedudukan asal.

Beliau menambah, keadaan ini menjadikan cadangan penggunaan dinar emas harus dilihat sebagai saranan tepat kerana ia mampu membantu ke arah pertumbuhan yang lebih stabil dan progresif.

“Bersandar hakikat ini, kami perlu menyokong saranan ini dan memainkan peranan lebih aktif serta bekerjasama bagi mengurangkan pergantungan kepada dolar Amerika,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, penggunaan dinar emas juga dilihat sebagai satu kaedah menyatukan negara islam dan usaha memperkuat ekonomi negara terlibat menerusi perdagangan sesama mereka.